

**Maktab perguruan, IPTA jalin  
kerjasama lahir guru Tesl**

KEMENTERIAN Pelajaran melalui Bahagian Pendidikan Guru (BPG) terus berusaha melahirkan lebih ramai guru siswazah berkepakaran dalam bidang Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (Tesl) di sekolah rendah dan menengah melalui pelaksanaan program praperkhidmatan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (B.Ed) dengan kerjasama institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan universiti luar negara.

Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Datuk Ambrin Buang, berkata pelaksanaan program itu membabitkan kerjasama bagi tempoh 10 tahun antara maktab perguruan dan IPTA, manakala kerjasama dengan universiti luar negara pula akan dijalankan sehingga 2011.

Bagi penyediaan guru siswazah Bahasa Inggeris peringkat sekolah rendah, katanya, Maktab Perguruan Pulau Pinang bekerjasama dengan Universiti Utara Malaysia (UUM), Maktab Perguruan Ilmu Khas dengan Universiti Malaya (UM), manakala Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka pula dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Seterusnya, beliau berkata, Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim bekerjasama dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsl), Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim dengan Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Perguruan Batu Lintang dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Maktab Perguruan Kota Bharu dan Maktab Perguruan Gaya dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM), bagi penyediaan guru subjek Bahasa Inggeris



**AMBRIN (dari kiri), Fu dan Abdul Rafie beramah mesra dengan Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri; Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Mohd Salleh Mohd Yassin; dan Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah, serta wakil universiti luar negara. - Gambar oleh Amirudin Sahib**

sekolah menengah.

Katanya, universiti luar negara yang terbabit pula ialah College of St Mark and St John/University of Exeter, United Kingdom, dan Queensland University of Technology, Brisbane, Australia, bagi pendidikan rendah, di samping Victoria University of Wellington dan University of Auckland di New Zealand serta Universiti Macquarie, Sydney, Australia, untuk peringkat menengah.

"Setiap tahun mulai 2002 sehingga 2006, BPG akan memilih seramai 500 pelajar untuk mengikuti program ini. Daripada jumlah itu, 375 pela-

jar adalah untuk program kerjasama dengan institusi tempatan dan baki 125 lagi bagi program luar negara.

"Setiap kohort mula menjalani program itu dengan mengikuti kursus persediaan atau asas selama 60 minggu. Kursus ini dikendalikan sepenuhnya oleh pensyarah berkeelayakan di maktab perguruan terbabit. Calon yang berjaya akan terus mengikuti program pengajian ijazah selama empat tahun dalam bidang Tesl di universiti terbabit," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis menandatangani memorandum

persetujuan (MoA) bagi program kembar praperkhidmatan B.Ed (Tesl) antara Kementerian Pelajaran dan tujuh IPTA terbabit di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Fu Ah Kiow; Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Abdul Rafie Mahat; Timbalan Pengarah BPG, Datin Asariah Mior Shaharuddin; naib canselor IPTA, pengarah maktab perguruan dan wakil universiti luar negara.

Ambrin berkata, kementerian melaksanakan program itu bertujuan mempertingkatkan bilangan guru Bahasa Ing-

geris yang berkeelayakan di sekolah rendah dan menengah, di samping mengisi kekosongan jawatan berikutan persaraan guru berpengalaman.

Selain itu, beliau berkata, kerjasama itu juga sejajar dengan polisi kementerian untuk menempatkan guru siswazah di sekolah rendah.

"Saya dimaklumkan bahawa pensyarah dari institusi terbabit dalam kerjasama ini sudah berbincang mengenai kursus yang akan disampaikan sepanjang tempoh pengajian peringkat ijazah selama empat tahun itu bagi memastikan pengetahuan pedagogi serta

amalan terbaik disampaikan kepada pelajar berkenaan.

"Melalui gabungan kepakaran dari maktab perguruan dan universiti, tidak diragui hasilnya nanti adalah guru Bahasa Inggeris yang memiliki kualiti sebagai pendidik, berkemahiran dalam aspek pedagogi serta menguasai ilmu mengajar.

"Diharapkan melalui program kerjasama ini, sumber terbaik yang sedia ada di kementerian akan dimanfaatkan pada peringkat optimum pada kadar kos lebih rendah dari segi kewangan dan juga sumber manusia," katanya.